

EKONOMI : PEMASALAHAN MELAYU PULAU PINANG

(Di sediakan oleh)

Professor Dr. Amir Hussin B. Baharuddin

ABSTRAK

Masalah Melayu Pulau Pinang **tidak bebas** dari rantau ini, dan sejarah kedatangan Inggeris ke Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1786. Ianya bermula dengan kebenaran yang diberikan kepada Inggeris (Francis Light) oleh kerajaan Kedah untuk menyewa dan meneroka Pulau Pinang pada tahun 1800 melalui satu perjanjian diantara Dziauddin Mukaram Shah dengan George Leith (Gabenor Pulau Pinang diwaktu itu). Bermula dengan majoriti Melayu dipulau sehinggalah Melayu menjadi minoriti keseluruhan negeri Pulau Pinang.

Masalah-masalah ekonomi yang timbul adalah akibat dari putar belit pihak penjajah Inggeris, kedudukan strategik Pulau ini, kedatangan pendatang elite luar, ketiadaan reseb melayu dan penerusan tradisi sewaan dari negeri Kedah selepas merdeka 1957. Sikap dan perlakuan orang-orang Melayu dari golongan biasa sehinggalah kepada golongan pemimpin yang tidak prihatin terhadap bangsanya sendiri. Keengganan dan sikap sambil lewa yang ditunjukkan oleh pihak yang dipertanggung jawab untuk melaksanakan arahan kerajaan pusat, dan strategi domenasi melalui nilai tanah oleh kerajaan dan agensi negeri, serta ketidaksungguhan yang ditunjukkan untuk menjaga kepentingan Melayu dinegeri ini menyebabkan Melayu semakin pupus disini (dari majoriti menjadi monoriti).

Masalah ekonomi Melayu Pulau Pinang masih mempunyai peluang untuk dipulihkan (masih belum terlewat) walaupun ianya agak berat. Masalah Melayu dapat diselesaikan sekiranya kita semua yakin dan bertanggung jawab, berganding bahu mengembeling tenaga dengan satu tujuan iaitu menjaga minoriti yang ada sekarang dan menjaga imej Malaysia serta identiti negara di negeri yang amat popular (Pulau Pinang) dikalangan pelancong luar dan dalam negara. Dihari ini kita telah berjaya menunjukkan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum tanpa wujud golongan tempang atau terbiar. Penyelesaian boleh dibuat dari sumber tempatan, peringkat pusat dan Masyarakat Melayu tempatan. Adalah lebih baik kita kurangkan bercakap dan kuatkan strategi kita secara "silent". Semakin banyak kita bercakap semakin terdedah kepada kemusnahan.

BIODATA

Professor Dr. Amir Hussin bin Haji Baharuddin dilahirkan di sebuah Kampung yang terpencil di Kuala Langat, Selangor. Beliau adalah **Anak Melayu** yang **pertama** dari Methodist English School mendapat gred pertama sijil SC dan FMC dari sekolah tersebut. Beliau melanjutkan pelajarannya ke Kolej Pertanian Malaya, dengan biasiswa FELDA. Sebagai murid yang cerdas dan berprestasi, beliau dimasukkan terus ke tahun dua dalam bidang Sains Pertanian. Beliau memperolehi Diploma Pertanian Kolej Pertanian Malaya pada tahun 1968 dan pernah bertugas sebagai pemangku Pengurus FELDA di Sungai Behrang pada tahun yang sama.

Pada tahun 1968 bulan Ogos, beliau mendapat tawaran melanjutkan pelajarannya ke Louisiana State University, Baton Rouge-Amerika Syarikat sebagai "transfer Student" ke tahun tiga di bawah tajaan MARA. Beliau adalah **salah seorang pelajar Melayu pertama yang di hantar ke USA oleh MARA**. Beliau kemudian di anugerahkan **B.Sc Sains Pertanian** pada tahun 1970 dari Louisiana State University dan kemudian meneruskan pelajaran ke peringkat **M.Sc. Ekonomi Pertanian** di universiti yang sama, dan mendapat ijazah tersebut pada tahun 1972. Dalam usia yang masih muda (**27 tahun**) beliau berjaya mendapat anugerah Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Ekonomi Pertanian dari Universiti of Missouri, Columbia-USA pada tahun 1975.

Professor Dr. Amir Hussin Baharuddin pernah menyandang jawatan **Timbalan Dekan** selama empat tahun (1977 – 1980) di Pusat pengajian Sains Kemasyarakatan USM dan sebagai **Dekan** di Pusat Pengajian yang sama selama lima tahun (1984 – 1989). Beliau pernah dilantik sebagai **Visiting Research Professor, Department of Agricultural Economics, Louisiana State University-USA** pada tahun 1990/91.

Walaupun berasal dari keluarga yang kurang mampu, beliau berjaya memenuhi cita-citanya dengan berbekalkan keazaman, kecekalan dan kesungguhan.

Sebaik sahaja tamat pengajian keperingkat **Doktor Falsafah (Ph.D)** pada tahun 1975, beliau dihantar bertugas di Universiti Sains Malaysia atas arahan khas Perdana Menteri Malaysia pada masa itu Tun Abdul Razak untuk menjaga kepentingan dan kemajuan orang Melayu Pulau Pinang. Perjuangan beliau tidak terhad kepada kepentingan pelajar Melayu didalam Universiti sahaja. Semenjak berhijrah ke Pulau Pinang beliau telah mengambil inisiatif dalam berbagai aktiviti yang melibatkan kepentingan Melayu dengan menyuarakan pendapat serta kritikan dalam pembelaan nasib masyarakat minoriti Melayu Pulau Pinang secara keseluruhannya. Beliau

amat sensitif terhadap penindasan yang di tanggung masyarakat Melayu Pulau Pinang.

Sepanjang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang beliau telah menghasilkan beberapa buah buku yang mengkaji masalah Melayu Pulau Pinang secara khususnya dan Melayu Malaysia secara amnya. Buku pertama beliau yang menegur dan membincangkan masalah Melayu Pulau Pinang berjudul **Ekonomi Melayu Pulau Pinang dan Melayu Malaysia** telah diterbitkan pada tahun 1982. Buku yang diterbitkan oleh Pustaka Pulau Pinang ini telah mendedahkan beberapa kelemahan orang Melayu pada masa itu yang masih belum di atasi dengan sepenuhnya sehingga hari ini.

Beliau meneruskan perjuangannya dengan melahirkan sebuah lagi buku berjudul "**Agenda Belum Selesai Menjelang 1990**", buku paling kontroversi yang menyatakan ketidaksediaan orang Melayu dalam menghadapi perkembangan ekonomi dan kemajuan pesat Negara menjelang 1990 dan seterusnya menjelang abang ke-21. Pembentangan kertas kerja, ceramah dan forum tentang Melayu sering disertainya. Diantara kertas-kertas kerja itu ialah; "Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Kampung" (di Konvensyen UMNO, Bahagian Jelutong pada tahun 1997).

Kritikan, nasihat dan perjuangan bersama-sama orang Melayu masih diteruskan, harapan mahukan bangsa kita menjadi satu bangsa yang disegani masyarakat Malaysia masih berkobar-kobar. Penantian untuk melahirkan pelajar Melayu mendapat First Class dalam bidang ekonomi masih kabur walaupun perjuangannya sudah lama (27 tahun berkhidmat di USM).

Professor Dr Amir tidak pernah berkompromi dalam membela nasib Melayu dan Islam. Kelancangan dan Keberanian beliau membela nasib Melayu mungkin tidak disukai atau digeruni oleh pihak tertentu. Pelbagai cara melemahkan peranan dan usaha nasionalisme insan kerdil yang bernama Profesor Dr Amir. Cubaan membunuh (silent killing) telah dilancarkan terhadapnya. Beliau tetap gigih dalam perjuangan. Islam dan Melayu mesti dipertahankan.

EKONOMI – PEMASALAHAN MELAYU PULAU PINANG

Disediakan oleh

Professor Dr. Amir Hussin Bin Baharuddin

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

PENGENALAN

Setakat ini semua orang mahu membincangkan nombor/jumlah Melayu Pulau Pinang. Ada nombor yang susah untuk diterima pakai. Ada pula yang tidak bermanfaat jika dilihat, dan ada pula nombor-nombor atau data yang palsu. Semua orang maklum, misalnya tanah wakaf Islam di Georgetown hanya 368,000 kaki berbanding lebih 2,000,000 kaki bagi wakaf gereja. Kita juga maklum sepanjang pantai dari Pengkalan Weld ke Telok Tempoyak, perkampungan nelayan Melayu semakin lenyap, dan pondok melayu bertukar menjadi kondو yang mampu dimiliki oleh bukan melayu sahaja. Rata-rata kedai-kedai di pekan utama Pulau Pinang memang hampa, tiada orang Melayu sebagai penyewa atau pemilik tetap yang nyata di kompleks membeli belah.

Adalah lebih baik **nombor-nombor keramat** yang ada **dijadikan asas** untuk tindakan berganda secara realiti, gigih, tidak tersenggut/tergugat, berterusan dan ikhlas. Sekiranya Melayu merancang dengan matlamat, pasti satu kajian data asas (baseline study) dibuat dalam bentuk banci kesuseluruhan penduduk Melayu **mastautin asal** di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Banci demikian mestilah merangkumi segala aspek orang Melayu dari segi keluarga sehingga taraf milik rumah, pendidikan, pendapatan keluarga, yang ada rumah murah, mewah, rumah yang mampu dibeli, pendapatan keluarga, kesan pembangunan perumahan mewah keatas mereka, dan **tanggapan atau harapan** masa depan mereka. Banci secara profesional oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Pulau Pinang dan USM penting. Data yang dipungut mestilah SULIT tetapi tidak di ubah. Ini penting kerana strategi penyelesaian hanya sebijak data yang dikutip. Adalah diharapkan data banci yang lengkap, bukan sampel, membantu semua usaha dasar, program dan pelan tindakan melayu sehingga tahun 2020. Kekuatan mestilah pasti, strategi mesti betul dan tidak memihak kepada mana-mana pihak. Kelemahan mestilah diketahui dan kita semua sanggup menerimanya dengan **realiti** sekiranya kita bersungguh **mahu menjaga hak dan menjayakan vission Melayu Pulau pinang** secara **BERKESAN, komprehensif, realistik** dan berterusan. Yang penting diketahui ialah berapa ramai anak-anak melayu Pulau Pinang yang sudah berjaya menjadi peniaga (tidak kira dimana juga mereka berada), mendapat peluang berniaga sebagai penjaja, pemilik lot kedai dikomplek-komplek utama di Pulau Pinang, jumlah pemilik taxi, tukang beca, penghuni/penyewa gerai MPPP dan MPSP dan orang orang Melayu tempatan atau pegawai agensi kerajaan persekutuan. Orang yang bukan watan orang Pulau Pinang hendaklah diasingkan dari anak Pulau Pinang tulen, kerana kita sedang mengkaji punca masalah ekonomi orang Melayu setempat yang masih belum selesai sekian lama. Yang penting kita ingat ialah data boleh dicanai untuk menunjukkan yang terbaik, sedangkan situasi sebenarnya adalah amat buruk atau tidak seindah kata.

Pelan pembangunan Pulau Pinang 2001-2010 menonjolkan beberapa jadual, [lihat lampiran] yang meragukan, dengan pendapatan yang agak tinggi untuk Melayu dan nisbah ketidakseimbangan 0.70:1.00 berbanding Cina. Dimanakah majoriti Melayu tinggal? Sudah tentu dikawasan yang kurang membangun. Bukan metro seperti Balik Pulau dan Seberang Perai. Dimanakah tempat utama Melayu berniaga? Sudah pasti nasi lemak kiosk, gerai-gerai jalanan, pasar malam, pasar tani dan pasar minggu. Betulkah pendapatan yang diperolehi sepertimana yang anda lihat dalam jadual [lihat lampiran]. Saya rasa amat sangsi. Elite ekonomi Melayu dari dalam Pulau Pinang dan dari luar memang kurang memahami keunikan keadaan permasalahan ekonomi Melayu Pulau Pinang sebenarnya. Yang nyata nilai tanah RM500,000 se ekar memadai **menghimpit Melayu keluar dari tanah sendiri tanpa paksaan**. Pemilikan kondominium mewah amat meleset, hakmilik hotel 3, 4, 5 bintang boleh dikira dengan jari, perimis perniagaan yang selesa dan ditengah-tengah pembangunan juga tiada dimiliki oleh Melayu. Berat untuk menyatakan tetapi terpaksa juga saya luahkan, **'selagi sikap golongan atasan dan bawahan Melayu kekal seperti 28 tahun yang lepas (sejak 1975) selagi itulah Melayu Pulau Pinang tidak akan mengecapi nikmat pembangunan yang sebenarnya'**. Lihat nasib para nelayan yang ada. Dimanakah sumber ekonomi mereka sekarang? Bagaimanakah potensi masa depan mereka?. Apa data boleh cakap tentang kualiti dan persekitaran hidup mereka? Marilah kita bersama merenunginya. Pada saya **data itu daleh**, manakala yang dilihat itu adalah realiti yang memalukan kita tidak kira darjat kita. **Kita semua bersalah**, selagi ini tidak kita sedari, data apa pun tidak berguna-tiada penyelesaian yang nyata untuk orang-orang Melayu Pulau Pinang. Ini semua salah sejarah yang membenarkan Sir Francis Light menguasai dan bertapak di Pulau pinang pada tahun 1786 dengan janji-janji palsu dan dokumen yang palsu. Lanun, peperangan Thailand-Burma turut menyusahkan Sultan Kedah. Inggeris pula berbohong dan tidak mempertahankan Kedah dari Siam. Pulau Pinang diwaktu itu amat penting untuk pusat dagang serantau, laluan strategik bangsa Eropah dan tempat orang-orang keturunan Arab, India, Cina dan Eropah berdagang. Dalam era dominasi laut zaman ekonomi "mercantilist" Eropah, **orang Melayu Pulau Pinang telah ditakdirkan** menjadi golongan yang tiada berstrategi, terbiar dan terpinggir. Dari asalnya majoriti menjadi minoriti, terlantar ditengah kekayaan dan kejayaan. Ini di tambah pula dengan tiadanya **peruntukan tanah Reseb Melayu di Pulau ini dan perjanjian di antara British dan Kedah tidak mansuhkan**. Sewaan sebanyak RM10,000 untuk keseluruhan wilayah Pulau Pinang dan Seberang Perai di ambil alih oleh kerajaan persekutuan. Petikan dan analisis dari buku Yahya Ismail menerangkan dengan jelas masalah pokok itu ;

..... *Setelah 46 tahun Pulau Pinang menjadi Koloni British, jumlah penduduk Melayu adalah yang terbesar dari bangsa-bangsa lain. Namun demikian jumlah penduduk Cina dan India keduanya menyamai jumlah Melayu di pulau ini. Pada masa yang sama.*

..... *Politik Pulau Pinang sejak awal-awal lagi adalah politik bandar. Sistem pemerintahan, undang-undang yang di buat, dan dasar politik yang dijalankan ialah untuk kepentingan orang-orang bandar. Bila disebut bandar, ini bererti kepentingan kaum pedagang itulah yang diutamakan oleh sebab orang Melayu lebih senang tinggal*

di desa dan tidak begitu terlibat dalam dunia perniagaan dan perusahaan di kota, maka kita dapati tidak terdapat pemimpin-pemimpin masyarakat Melayu yang terkemuka dan di lantik sebagai pesuruhjaya Municipal Georgetown.....

sebagai seorang intelek dan 'economist', amat susah untuk saya menyangkal kenyataan itu, lebih-lebih lagi apabila kesan tindakan penjajahan dan pandangan keatas budaya niaga kegiatan ekonomi dan kepedudukan Melayu tertumpu diluar bandar. Selain itu, tanpa kawalan pendatang sudah pasti majoriti Melayu selepas tahun keramat 1800 tidak dapat dipertahankan. Sikap mereka dalam hal ekonomi dan pentadbiran moden juga terjejas. Seterusnya dicatatkan yang patut diteliti adalah:

..... sebelum abad ketujuh belas bangsa Melayu terkenal sebagai pedagang yang berjaya dan pernah membuat hubungan dagang antara negara.

..... tetapi bila kaum penjajah menguasai politik dan perdagangan, di sebelah gugusan Pulau-pulau Melayu, golongan pedagang Melayu terus lenyap akibat tekanan ekonomi dan politik dari penjajahan. Ketiadaan kelas pedagang dari bangsa Melayu menyebabkan kedudukan politik dan ekonomi kerajaan-kerajaan Melayu lemah. Sejak abad ke tujuh belas bangsa Melayu sedikit demi sedikit hilang kuasa politik dan kedudukan ekonominya.....

(Yahya Ismail, 1978, m.s 21)

Apa yang dicatat oleh Syed Hussein dan Yahya Ismail. (Yahya Ismail 1978 m.s 21) amat nyata merupakan apa yang boleh terjadi kepada Melayu **setelah hadir faktor luar kawalan seperti kuasa kolonial dan usaha peniaga pendatang**. Itu dulu. Kini kita sudah merdeka. Kita ada cara kita. Kita terpaksa membuktikannya kepada mata dunia, lebih-lebih lagi dalam konteks politik jumlah dan majoriti-minoriti antara kaum. Ini penting kerana pendapat yang meluas ialah rasa majoriti memonopoli segala dan berbuat *bully* kepada minoriti. Mengikut Yahya Ismail lagi, kecuali jika amalan Dasar Ekonomi Baru diguna sebagai asas dan prinsip.

..... Malah dalam masa 74 tahun selepas Francis Light menipu Sultan Kedah, jumlah penduduk Melayu di Pulau Pinang dan Singapura nampak bertambah.....kalau kita perhatikan penduduk di Pulau Pinang sahaja kita jadi lebih terkejut sebab jumlah Cina paling tinggi sekali, dan jumlah Melayu merosot. Dalam masa 41 tahun (dari 1911-1957) jumlah penduduk-penduduk Cina terus bertambah dan berkembang dari 40.19% menjadi 57.20%. Ini bermakna lebih dari separuh penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai adalah Cina.....

(Yahya Ismail, 1978, m.s 34-35)

Ini bermakna bagi keseluruhan negeri Pulau Pinang semasa merdeka, Melayu sudah menjadi minoriti 28.86% berbanding 57.20% Cina dan 12.07% India. [Lihat Lampiran C]. Keadaan komposisi penduduk di Georgetown lebih parah dengan hanya 11.39% Melayu pada tahun 1957. Berapa peratus Melayu di Georgetown hari ini ? Yang

¹ Masalah Melayu Pulau Pinang – Yahya Ismail 1978 m.s 6-7

pasti sudah diketahui, menurun. [Lihat Lampiran D]. Malangnya data resmi Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang Kedua 2001-2010 amat menarik sekali. Yang tak dinyatakan "Melayu" mana yang digolongkan sebagai kakitangan dalam kategori pekerjaan dan pendapatan yang dinyatakan. (Lihat Lampiran E dan F).

SEDIKIT TENTANG PUNCA MASALAH

Punca masalah timbul kerana sikap dan tingkahlaku dikalangan Melayu itu sendiri. Dikalangan kita ada golongan jutawan, dan golongan miskin yang terhimpit. Masalah akan terus wujud dan Melayu semakin terhimpit dicelah-celah timbunan bata bangunan-bangunan tinggi selagi pembebasan sempadan atau zone Melayu tidak kita wujudkan di Pulau Pinang. Kepimpinan veteran kita telah cemoh. Masing-masing mahukan glamour, status, kebendaan dan kuasa. Kekayaan adalah segala-segalanya. Peduli apa dengan Melayu lain, sedangkan "aku" kaya. Untuk apa aku bermati-matian mempertahankan orang Melayu? Aku bukan ahli politik, aku tidak berjawatan dalam kerajaan, aku tidak diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek untuk mereka, aku tidak perlukan sokongan mereka, aku adalah orang kaya yang mendapat peluang dari ahli politik. Aku hanya terhutang budi pada ahli politik yang memberi peluang kepada aku untuk menjadi kaya tapi bukan anda semua. Sikap inilah yang **amat menyayat dan bisa** sekali bagi saya sebagai insan Melayu yang amat prihatin terhadap nasib orang-orang Melayu. Mereka lupa tanpa orang-orang Melayu (walaupun tinggal serpihan) siapalah mereka. Bolehkah mereka menjadi menteri, menjadi exco, atau menjadi wakil rakyat setelah bangsa itu berkecuali Adakah orang-orang asing seperti Cina dan India mahu mengundi mereka apabila identiti Melayu itu luput atau lemah?

Mari kita renung sejenak, Flat-flat yang di duduki oleh majoriti Melayu seperti Flat kampong Melayu dan flat UDA Tanjong To'kong yang sedang hangat di pertikaikan. Di sini jelas kita diperanak tirikan, kemudahan yang disediakan tidak mencukupi, kawasannya sesak, kotor dan lift yang sering rosak. Kenapa ini tidak berlaku dikawasan kependudukan yang minoritinya Melayu. Tak sedarkah kita semua? Atau sengaja kita tidak mahu ambil peduli kerana itu bukan masalah kita, kita tidak tinggal disitu. Beralih pula kepada flat Taman Saadon yang terdekat dengan kita (USM), tidakkah anda semua lihat betapa tidak bermaya dan terbiarnya nasib anak-anak Melayu di situ. Mereka di kelilingi oleh elit-elit Melayu yang kaya dan para pemimpin disekitaran Minden Height, Bukit Jambul dan Bukit Gelugor. Dimanakah sifat prihatin dan kepimpinan mereka terhadap orang-orang Melayu. Semoga Allah membuka pintu hati mereka untuk menolong dan memperjuangkan nasib-nasib orang-orang Melayu yang terhimpit dan ditindas di tanah pusaka ibunda.

Ramai di antara yang dikatakan Melayu Pulau Pinang sebenarnya pindahan pekerja kilang, pegawai awam, staf perbadanan tertentu dan profesional. Siapakah kata orang Melayu Pulau Pinang tidak berpendidikan tinggi? Anak jati Pulau Pinang yang bergelar jutawan, profesional ada dimerata-merata tempat dan diberbagai agensi besar-besar. Malangnya orang melayu P.Pinang tidak diberi perhatian oleh anak-anak jati

tersebut. Mereka tidak mahu melihat realiti dari mana mereka dilahirkan, bagi mereka kekuasaan, kekayaan dan kemewahan mengaburi segala-segalanya. Mereka sanggup biarkan orang-orang Melayu P.Pinang bergelumbang dalam masalah ekonomi dan tercepit ditengah-tengah pembangunan yang tidak pernah menilai nasib Melayu tempatan seolah-olah status itulah quo terbaik.

Anak-anak jati Melayu P. Pinang yang kaya tidak berminat untuk menguasai 30% kegiatan dan harta ekonomi di Pulau Pinang. Mereka lebih rela membeli harta di Kuala Lumpur atau diluar negara. Oleh itu khazanah dan rumah-rumah mewah disini di kuasai oleh orang-orang luar negara atau bukan Melayu. Ini berbeza dengan Melayu Kelantan yang memakmurkan Kelantan dengan usaha yang berpengkalan diluar Kelantan. Mereka jaga identiti dan khazanah mereka. Begitu juga orang-orang India yang berniaga di sini, mereka mengaut keuntungan dan membawa balik ke Negara mereka. Inilah ciri-ciri yang patut anak-anak jati P.Pinang boleh praktik dan contohi.

Unit niaga dan peluang menjaja di P.Pinang dari pasar minggu, kepada pasar Ramadhan dikuasai oleh majoriti orang luar (bukan tempatan). Kebanyakannya datang dari selatan Thai, Kedah, Kelantan dan Perak. Jadi peluang ekonomi itu tidak memberi kesan kepada Melayu tempatan. Kenapakah ini harus terjadi? Siapakah yang perlu kita persalahkan? (ini perlukan penyelidikan).

Soal identiti Melayu P.Pinang sebenarnya perlu ditakrif semula. Siapakah dia Melayu Pulau Pinang. Adakah mami dan mamak tergolong dalam Melayu Pulau Pinang? Mereka mempunyai identiti sendiri. Ekonomi mereka lebih terjamin, mereka memiliki restoran, kedai emas, wakaf mesjid dan lain-lain. Melayu tulen di Pulau Pinang tertinggal jauh kebelakang. Kenapa situasi yang sebegini wujud?, sudahkah anak-anak jati Melayu P.Pinang menyelidiknyanya secara serius dan komprehensif.

Sikap keperihatinan pemimpin tempatan, agensi kerajaan pusat dan negeri terhadap masalah majoriti juga menjadi satu punca yang perlu diambil perhatian serius. Contohnya flat satu bilik di tanjung To'kong, projek pangsapuri Jelutong yang diusahasama dengan swasta, akhirnya dikuasaisepenuhnya oleh pihak swasta, baik dari segi perletakan harga dan kos. Peluang penyertaan Melayu dalam pembangunan Pulau Jerjak, rumah-rumah kedai MARA (yang silap lokasinya) tidak dimaklumkan kepada seluruh Melayu Pulau Pinang, hanya segelintir sahaja yang tahu, itupun orang-orang Melayu yang sedia kaya. Soal 30% yang disediakan untuk orang-orang Melayu adalah sementara oleh pihak pemaju akibat kelonggaran akta pemaju perumahan. Pihak MARA dan JKP perlu teliti semula peranan dan kekuatan kewangan. Kemungkinan masalahnya agak besar dan peruntukan tambahan diperlukan serta pemantauan yang rapi. UDA juga perlu menyemak kembali objektif asal ianya ditubuhkan. UDA di pertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan Melayu dalam pembangunan dalam bandar dan proses perbandaran. Kita jangan mencari untung diatas kemiskinan orang Melayu sendiri, yang sebenarnya adalah golongan sasaran kita.

Pertelingkahan kepentingan pemimpin politik, pemimpin koprat dan orang besar dengan kepentingan Melayu menjadi satu isu yang penuh masalah. Kes pembangunan tanah koperasi Tunas Muda (700 ekar) di Relau yang dimiliki Melayu sepenuhnya dengan bantuan agensi pusat telah bertukar tangan kepada "Sunway" yang membina

rumah dengan kos yang tak mampu dimiliki oleh majoriti Melayu, malahan memiskinkan Melayu profesional dan "middle Class". Tanah-tanah milik Federal, tanah gazette baru seperti di Bertam, tanah tambak laut dan tanah MPPP hanya melibatkan pemaju yang berkuasa besar, yang tidak pernah mengambilkira nasib, peluang milik dan peluang ekonomi Melayu Pulau Pinang khususnya dari kawasan luar metro.

Pendidikan dan persekolahan anak-anak Melayu juga tidak memperlihatkan strategi insitu. Sekolah bestari di wujudkan, tetapi yang cemerlang disekolah tersebut bukan anak Melayu asal tempatan. Anak-anak lelaki Melayu Pulau Pinang lelaki semakin pupus, kenapa ini tidak kita pandang serious?. Sekolah-sekolah lima bintang, dibanjiri oleh anak-anak pegawai kerajaan dan anak-anak guru yang bukan anak Pulau pinang sejati. Masa depan anak-anak muda Melayu Pulau pinang semakin pudar, malah terus meleset. Ekonomi mereka tidak terjamin. Ibu bapa semakin mengeluh kerana tak mampu memenuhi citarasa dan keperluan sekolah masakini. Sistem pelajaran kita telah bertukar menjadi komersial. Apakah yang dapat di atasi dengan keadaan begini.

Punca wang utama Melayu Pulau Pinang rata-rata adalah dari sektor jual runcit/kedai runcit, penjaja, kerja kilang, kerani dan peon pejabat. Apabila umur sudah pencen, dapatlah jadi jaga kedai emas atau jaga bank. Pendapatan mereka tidak lumayan dan peluang untuk menguasai asei, harta dan peluang amat nipis. Masa depan mereka tidak terjamin. Mereka perlukan syarikat pembinaan, perunding, ahli franchise 7 eleven, pengedar minuman F&N dan rokok, agent pelancungan profesional, pemilik restoran makanan laut dan kegiatan serupa. Apa yang boleh kita banggakan ialah gerai-gerai penjaja Melayu yang tumbuh bagai cendawan. Terima kasih kita ucapkan kepada pihak MPPP, MSPP dan kerajaan negeri yang telah memberi sokongan kepada kita.

Ketiadaan tanah reseb Melayu atau zon Melayu atau gazet Melayu dalam konteks era pembangunan rumah, Kondominium, dan hotel menjadikan harga tanah amat mahal. Ini adalah salah satu sebab yang dapat menggugatkan kekuatan dan keimanan orang Melayu untuk menjadi kaya cepat. Mereka kabur dengan longgokan wang. Mereka tidak mahu terhimpit dalam bangunan-bangunan tinggi di sekeliling mereka. Melayu Pulau Pinang kaya tetapi bukan di Pulau Pinang. Mereka mampu memiliki tanah dan banglo di Kulim atau Sungai Petani. Kerana inginkan kemewahan, mereka sanggup menjual harta pusaka ibunda dan lagenda mereka. Pembangunan demi pembangunan membangun dengan megahnya di Pulau Pinang, Melayu semakin pupus, Melayu semakin dipinggirkan, Melayu semakin dilupai. Tiadakah jalan penyelesaian, buntutkah pemikiran cendiakawan Melayu Pulau ini? Dimanakah mereka?, kenapa membisu seribu bahasa. Apakah Melayu hanya sanggup pandang putih mata sahaja. Tiadakah cara untuk menghentikan rasional ini. SPU, SPT dan SPS serta PP terus berkembang menjadi bandar dan Melayu semakin lari kepenghujung negeri, takutkah Melayu dengan pembangunan? Atau Melayu sudah pasrah dengan nasib yang menimpa mereka. Benarkah kata-kata YB Dato Shariff Haji Omar (bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang) Melayu Pulau Pinang terpaksa berkorban untuk pembangunan. Apakah nikmat pembangunan yang dikecapi setimpal dengan pengorbanan yang diberikan? Dimanakah PERDA, dimanakah UDA dan dimanakah MARA? Bergembelinglah untuk Melayu terus wujud di tanah datuk nenek kita. Jangan asyik menyalahkan orang lain. Terimalah kenyataan yang kita

silap, lemah dan suka berpecah belah. Carilah punca, runkaikan ia dan jadikan tali penghubung untuk penyambungan orang-orang Melayu keseluruhannya..

Melayu Pulau Pinang terus terpinggir dan semakin pupus. Buku demi buku dikeluarkan, makalah demi makalah, cadangan-cadangan demi cadangan ditulis oleh para profesional dan cendekiawan Pulau Pinang. Kita faham yang tersirat. Isu asas bukan cari gaduh tetapi cari penyelesaian. Sebagai rakyat Malaysia, tidak ada faedah kejayaan dan pembangunan sekiranya sebahagian dari kita terkorban tanpa pembelaan. Apalah ertinya sebuah Kemerdekaan seandainya jiwa kita dibelenggu.

KENAPA TANAH MELAYU TERGADAI- hasil kajian yang dibuat

1. Kawasan perumahan mereka di kelilingi oleh projek khinzir. Bau dan lolongan khinzir yang bising menyebabkan tanah mereka terpaksa dijual.
2. Mereka dipaksa oleh pemaju dengan ugutan-ugutan yang menakutkan mereka. Mereka sering menjadi mangsa, dipisah, dipermainkan sehingga kerajaan pusat dan NGO terpaksa menegur.
3. Jualan tanah terpaksa dilakukan kerana bimbang Akta pengambilan tanah digunakan yang tidak menentu mengikut budibicara perancangan sulit kerajaan negeri Pulau Pinang.
4. Setiap pembangunan yang mahu dibuat dimulakan dengan tempat penempatan melayu.
5. Keluhan dan aduan mereka tidak dihiraukan oleh pihak atasan.

DISTRIBUSI TANAH KEPUNYAAN NEGERI DAN MAJLIS BANDARAYA MENURUT
'TOWN SUBDIVISIONS' 1973

| Town Subdivision | Jumlah lot | % lot dlm town subdivision | Kawasan (kaki persegi) | % tanah town subdivison | % jumlah besar tanah negeri & Majlis Bandaraya |
|------------------|------------|----------------------------|------------------------|-------------------------|--|
| 14 | 45 | 8.7 | 1,159,706 | 33.6 | 23.6 |
| 15 | 35 | 8.5 | 503,700 | 27.0 | 10.3 |
| 16 | 89 | 10.7 | 497,882 | 16.7 | 10.2 |
| 17 | 29 | 10.7 | 239,942 | 23.2 | 4.9 |
| 18 | 64 | 6.7 | 333,845 | 13.7 | 6.8 |
| 19 | 51 | 9.5 | 917,142 | 142 | 18.7 |
| 20 | 44 | 8.8 | 47,158 | 4.0 | 1.0 |
| 21 | 38 | 10.8 | 85,567 | 10.9 | 1.7 |
| 22 | 2 | 0.4 | 1,279 | 0.1 | 0.02 |
| 23 | 21 | 4.3 | 211,752 | 8.9 | 4.3 |
| 24 | 10 | 33.3 | 908,758 | 65.2 | 18.5 |
| Jumlah | 428 | 8.0 | 4,906,731 | 22.2 | 100.0 |

*Petikan dari kajian DR. Goh Ban Lee (1973)

PEMBAHAGIAN HAKMILIK TANAH MENURUT BANGSA – 1973

| | Jumlah lot | % lot | Kawasan (kaki Persegi) | % kawasan dlm,subdiv. |
|-------------------------------------|------------|-------|------------------------|-----------------------|
| Melayu ¹ | 42 | 0.8 | 153,027 | 0.7 |
| China | 3,472 | 65.2 | 10,031,048 | 45.3 |
| India ² | 522 | 10.2 | 1,095,008 | 4.9 |
| Lain-lain ³ | 33 | 0.6 | 68,255 | 0.3 |
| Syarikat & hakmilik berbagai bangsa | 47 | 0.9 | 446,677 | 2.0 |
| Syarikat dengan modal asing | 101 | 1.9 | 910,551 | 4.1 |
| Tanah Wakaf | 64 | 1.2 | 395,851 | 1.9 |
| Tokong China dan kongsi | 504 | 9.4 | 2,106,751 | 9.5 |
| Pertubuhan agama Hindu | 7 | 0.1 | 43,285 | 0.2 |
| Gereja | 38 | 0.7 | 1,336,845 | 6.0 |
| Umum ⁴ | 478 | 9.0 | 5,546,502 | 25.1 |
| Jumlah | 5328 | 100.0 | 22,133,800 | 100.0 |

- 1 Termasuk mamak yang menggunakan nama-nama melayu
- 2 Yang berasal dari tanah besar India
- 3 Termasuk Serani dan Eropah
- 4 Tanah kepunyaan negeri, Majlis Bandaraya, Badan-badan berkanun dan Syarikat kejasama.

PEMBAHAGIAN TANAH WAKAF MENURUT 'TOWN SUBDIVISIONS' 1973

| Town Subdivision | Jumlah Lot | % Slot Dlm "Subdivision" | Luas kawasan (kaki persegi) | % Jumlah tanah dlm 'Sundivision' |
|------------------|------------|--------------------------|-----------------------------|----------------------------------|
| 14 | 10 | 1.9 | 34,335 | 1.0 |
| 15 | 6 | 1.5 | 19,941 | 1.1 |
| 16 | 5 | 0.6 | 13,895 | 0.5 |
| 17 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 18 | 27 | 2.8 | 193,116 | 7.9 |
| 19 | 7 | 1.3 | 21,242 | 0.6 |
| 20 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 21 | 7 | 2.0 | 47,539 | 6.1 |
| 22 | 2 | 0.4 | 65,763 | 6.7 |
| 23 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 24 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | 64 | 1.2 | 395,851 | 1.8 |

HAKMILIK TANAH MELAYU MENURUT 'TOWN SUBDIVISIONS' 1973

| Town Subdivisions | Kawasan (kaki persegi) | % Jumlah besar tanah dlm 'Town Subdivisions' |
|-------------------|------------------------|--|
| 14 | 43,870 | 1.27 |
| 15 | 18,291 | 0.98 |
| 16 | 67,589 | 2.27 |
| 17 | 0 | 0 |
| 18 | 9,678 | 0.40 |
| 19 | 10,662 | 0.90 |
| 21, 22, 23, 24 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 153,027 | 0.69 |

HASRAT PEMIMPIN NEGARA KITA

1. Mahukan yang terbaik untuk rakyat.
2. Inginkan kemiskinan, kedaifan, kemelaratan yang **sifar** di Negara kita. Setiap bajet tahunan sudah pasti ada peruntukan atau program khas untuk mereka.
3. Kita semua tahu dalam Negara yang demokrasi, **SATU ORANG SATU UNDI** semasa mengundi.
4. Soal JKKK, DUN dan ahli-ahli MPPP serta yang lain-lain itu berbeza. Mereka mempunyai ideologi berpolitik seperti skim cepat kaya, sementara kuasa ada dalam tangan selama lima tahun. Andainya sempat, tak jadi calon pun tak apa. Ini amat berbeza dengan PM, TPM dan ahli-ahli Parlimen yang lain.

5. Sepanjang hayat saya, saya akui dengan ikhlas ~~hati~~, setiap Perdana Menteri atau menteri telah memberi perhatian kepada semua lapisan rakyat. Mereka takut dan malu dengan kegagalan negara, kemiskinan dan inflasi tetapi tidak "local politician" kerana tanggungjawabnya agak terhad.
6. PM telah berusaha sedaya upayanya untuk Melayu. Beliau mengharapkan pelapis dan pewaris untuk terus aktif. Di manakah kita sekarang? Tanyalah diri anda sendiri, kita fikir kita cerdik dengan sedikit imbuhan tetapi akhirnya diperbodohkan dan *dijual*.

Heritage Memimpin

Dari bidang seni dan ekonomi, Melayu Pulau Pinang patut sangat dihormati. Siapa tidak kenal dengan Alahyarham Tan Sri P. Ramlee, Dato' Ahmad Nawab, Dato' Yusuf Haslam, pemain trumpet Syed Agil dan beberapa orang tokoh-tokoh seni yang berasal dari sini. Dari segi tokoh ekonomi, perniagaan serta neragawan pula, dua TPM dari Pulau Pinang, dua PM dari negeri jiran (Kedah). Siapa pula yang tidak kenal dengan tokoh perniagaan kita Dato' Amin Shah, Dato' Mohamad Aidid, Dato' Munshi Ariff dan ramai lagi. Apa yang agak terkilan ialah kenapakah tokoh-tokoh ini berjaya di luar Pulau Pinang. Dulu kita tidak pernah bimbang dengan orang Melayu Pulau Pinang berhijrah ketempat lain kerana penghijrahan mereka secara sukarela untuk memperbaiki taraf hidup. Tetapi dihari ini kita amat bimbang kerana Melayu Pulau Pinang dipaksa pindah secara tidak sedar, dari rumah yang selesa ke flat yang seperti sangkar burung merpati, dari dusun yang disayangi kerumah pangsa tanpa tanah untuk bercucuk tanam. Mereka menjadi mangsa korban pembangunan. Melayu Pulau Pinang semakin terpinggir, mereka sudah tidak boleh bertahan lagi, mereka kabur dan terhimpit. Pemilik-pemilik tanah di Seberang Perai di tawarkan wang yang lumayan dari RM 200,000 hingga RM 500,000. Ini amat lumayan dan sesuatu yang tidak pernah mereka mimpikan. Mereka tenggelam dengan umpan wang yang begitu banyak. Mereka lupa tanah tumpah darah datuk nenek mereka. Mereka di tawarkan rumah-rumah yang murah harganya di Kulim, Sungai Petani dan Parit Buntar yang tidak jauh dari Pulau Pinang. Mereka mampu miliki banglo dengan harga RM 200,000, mereka masih punya baki untuk dijadikan modal berniaga. Maka terkeluarlah mereka dari tanah tumpah darah sendiri dengan penuh kerelaan. Mereka tidak sedar yang mereka sebenarnya diperbodohkan oleh pihak pemaju. Mereka dihalau secara terhormat. Mereka lupa yang bangsanya masih belum mampu untuk berniaga dikomplek-komplek yang besar seperti KBJ, Perangin Mall, One Stop Mega Mall dan Komtar. Mereka masih tidak mampu untuk memilikinya dan mereka tidak akan boleh survive kerana tidak cukup belian sokongan, **kita tidak ramai dan kian berkurangan**. Siapa pun juga yang memimpin, tidak pasti yang positif akan berlaku dari segi ekonomi. Cuma barangkali premis perniagaan yang tidak premier akan diberikan oleh MPPP, MPSP dan PDC, itu pun arahan dari kerajaan pusat sebanyak 30% yang dihaskan kepada Melayu yang mesti dipatuhi oleh kerajaan negeri.

Kalau dah deposit rumah, bayaran ansuran bulanan dan tindakan keras terpaksa dikendurkan akibat dari kegawatan ekonomi negara pada tempoh 1998-99. senario ini tidak mungkin pulih dan strategi ekonomi uncit dan “window dressing” begini akan berterusan; mungkin juga semakin buruk kalau asas ekonomi, kewangan Melayu Pulau Pinang tidak diperbaiki, mereka diketepikan, mensyuarat pihak yang bertanggungjawab terlalu lama dan tidak menghasilkan strategik serius, mantap, profesional dan berkesan. Kita bercakap lebih dari bekerja.

MORAL, ESTETIKA dan ETHIKA

Soal mempolitikan isu dan agama amat memeningkan. Apabila Islam dipolitikan, Islam akan dicerca dan digadai hanya untuk matlamat kuasa semata-mata dan bukan menyelesaikan kesinambungan dunia dan akhirat. Isunya adakah wajar mengislamkan parti atau memperaktikkan Islam. Mempartikan Islam adalah membunuh orang-orang Islam itu sendiri, manakala mengislamkan parti pula adalah satu perkara yang agak ganjil, kerana soal dalaman (nun jauh disanubari) hanya Allah sahaja yang mengetahui. Justru itu kita haruslah memikirkan cara yang terbaik untuk Islam meneruskan perjuangan yang di dokong melalui sistem politik sekular, tanpa merosakkan agama Islam itu sendiri. Tidak salah sekiranya kita mengikut sejarah pepsi-cola selepas coca-cola menjadi amat popular dan laris jualan. Di hari ini (zaman 2003) orang Islam **terlalu sekular**, kita haruslah pandai mengimbangkannya **tidak terlalu ekstrim dan orthodox**. Kita tidak harus mementingkan soal estetika (aesthetic) berlawanan dengan pragmatisme negara Malaysia dan ethika orang Melayu serta cara perjuangan Melayu.

Di mana Kita Dominan (Soal Asas Ekonomi)

Data kuantitatif memang tidak memberi kita peluang senang hati. Terlalu banyak boleh dipertikaikan. Tetapi dalam kes Melayu Pulau Pinang data dan prestasi dititik marginal tidak bermakna lagi; ia tidak akan menjamin apa-apa yang baik pada masa-masa akan datang. Realitinya kita adalah majoriti peniaga gerai tepi jalan dikawasan-kawasan majoriti Melayu atas ehsan MPPP dan MPSP. Kita juga monopoli pasar sekali seminggu (pasar minggu), 80% gerainya adalah milik Melayu.

Dari segi kehidupan, orang Melayu memang menampakan kelemahan sebagai penghuni tanah TOL, MPPP, wakaf dan pinggir pantai yang tidak dimiliki oleh mereka. Justru asas ekonomi dari segi berniaga ditempat yang lumayan, menangkap ikan dipantai yang tidak tercemar dan tidak bakal ditebusguna tidak dimiliki oleh kita. Apabila tanah sudah ditebusguna, harga sekaki tanah demikian meningkat kepada RM 200/sekaki. Adakah Melayu mampu untuk memilikinya? Sedangkan punca pendapatan pun tidak terjamin dan tidak menentu. Mampukah mereka memiliki rumah kondok yang tersergam di depan mata atau banglo yang sederhana. Lapuran majalah MASSA pada tahun 1996 menunjukkan satu kenyataan pasti ;

“..... Rumah yang dibina di Pulau Pinang memang banyak. Boleh dikatakan setiap hari dilakukan. Malangnya rumah yang dibina itu ialah rumah kos tinggi dan sederhana yang harganya diantara RM150,000 hingga 250,000. memang wujud dua tiga orang melayu yang mampu beli. Selebihnya hanya mampu memiliki rumah kos rendah dengan harga RM25,000 atau rumah kos sederhana rendah yang kurang dari RM50,000.”

Di hari ini rumah kos rendah RM25,000 dengan tiga bilik sudah tidak wujud lagi di Pulau Pinang. Malah rumah kos sederhana rendah pada 2003 ini berharga RM65,000 hingga RM75,000. Ini juga salah satu penyingkiran orang-orang Melayu dari berpeluang duduk secara selesa, bertapak dan berumah. Mereka sudah tidak boleh menjadi setingan lagi; mereka dihalau kerana tempat-tempat yang diduduki sudah dimiliki, dimaju oleh agensi-agensi dan para pemaju. Bukan itu sahaja nasib yang menimpa mereka, pantai tempat mereka menangkap ikan secara tradisional juga diperkosa. Tanah-tanah pinggir pantai telah ditebus guna, maka tertutuplah pintu rezeki mereka. Andainya mereka ditawarkan rumah, dengan apakah yang mahu dibayar bulanannya sedang sumber pencarian sudah tiada. Pensyarah seperti saya tidak mampu untuk memiliki rumah RM75,000 sekiranya tiada pinjaman yang ditawarkan kepada kakitangan sektor awam. Orang-orang Melayu Pulau Pinang tidak ramai yang berkelulusan tinggi sehingga ketahap Ph.D, atau bergaji tetap.

Bergaji Untuk beli Rumah :

Kita lihat dalam makalah yang sama [Massa]; sedutannya seperti berikut:

“.....Lebih malang kerana pembinaan rumah kos rendah terlalu lembab..... tidak hairanlah kalau ramai yang membeli rumah diluar Pulau Pinang seperti di Kulim dan Sungai Petani. Secara tidak langsung mereka kena pindahlah dari Pulau.....”

.....Dasar sekarang lain sedikit. Pemaju tidak boleh lagi membinanya [rumah kos rendah] di Seberang, sebaliknya kena buat rumah di Pulau juga. Cumanya oleh kerana tanah mahal, kerajaan negeri membenarkan mereka membuat rumah kos sederhana rendah yang harganya RM50,000 kebawah. Rumah tersebut dikira mampu dibeli oleh orang Melayu.....”²

Dari keadaan di atas dan beberapa pengamatan pihak lain yang diberi tugas dan yang ada kuasa tidak menemui pakej dasar ekonomi yang berguna untuk tujuan pengekalan peluang ekonomi dan menjaga imbalan mastautin negeri ini yang ditonjolkan hanya Melayu terpinggir, harga tanah tinggi dan lumayan dan yang jelas orang Melayu suka kaya cepat melalui jualan tanah milik mereka. Puncanya Melayu Pulau Pinang miskin kerana tiada bimbingan serta motivasi untuk mempertahankan hak asas mereka – tanah secebis dan wakaf yang diwarisi. Mereka diasuh supaya cepat kaya

² Ibid, “MASSA” Februari 1996 m.s 20.

dengan menjual tanah. Mereka di asuh dengan budaya relax, disogokkan dengan kata-kata dan janji manis para pemimpin. Mereka tidak pernah disuruh **berfikir** sepintar mungkin tentang **soal ekonomi** mereka, masa depan anak-cucu mereka yang boleh menjejaskan soal sosial serta politik setempat. Setakat yang dilihat dialog di antara “orang biasa” dan “orang besar” dalam hal-hal ekonomi sering tidak mendatangkan hasil, tidak bebas kebuntuan, malahan sentiasa bercakaran yang akhirnya menjadi debu beterbangan tanpa haluan. Di sinilah orang lain ambil kesempatan, memborong harta Melayu, status, kuasa dan kependudukan.

Benteng utama ialah pendidikan orang Melayu, pembentukan peluang kerja, niaga dan ekonomi yang lebih baik dari ekonomi gerai dan menjadi buruh. Kalau boleh **saya mohon** agar Melayu diberi peluang kekal bersubsidi memasuki projek komersial anjuran UDA, MARA, PDC, PPC, MPPP, MPSP dan PERDA, bukan sebagai pengunjung dan pembeli dikomplek membeli belah. Ini memerlukan strategi kewangan, sosial dan ekonomi yang mantap yang tidak boleh saya bincangkan disini. Isu ini bukan hanya ditangan Ketua Menteri. Keperluan isu-isu yang berkaitan haruslah ditanggung bersama oleh parti yang memerintah (UMNO) disemua peringkat, JKKK, JKP, EXCO dan DUN. Begitu juga dewan-dewan perniagaan tempatan. Apa yang perlu ialah perubahan paradigma, dan pendekatan ekonomi yang melalui seluruh sistem sesuatu jurusan. Perlu juga diwujudkan suatu pertubuhan tugas yang kuat, bermodal dan kukuh dari segi aset. Pelaburan kepada orang baru seperti Melayu Pulau Pinang memang bakal kerugian. Tetapi kita kena banding kos sosial disebalik kerugian ongkos, dan bukan pertimbangan ongkos semata-mata. Ini suatu perkara yang tidak begitu penting dinegeri lain termasuk Melaka, Sabah dan Sarawak. Pulau Pinang dan masalah ekonomi Melayunya memang **unik** dan **liat** serta **rumit** untuk diselesaikan. Tidak banyak pengesuaan berlaku sejak 1976 (tahun dimana Allahyarham Tun Abd Razak meninggalkan kita). Secara fisikal semua orang patut bangga kerana imej Los Angeles dan New Yorknya. Secara kualitatif, orang Melayu terpaksa berbeza perasaan. Ini amat nyata dan tak perlu di ulangi.

Apa Yang Perlu dan Boleh Kita Buat ???

Tidak ada cara mudah, atau jalan yang jelas, kerana masalah Melayu Pulau Pinang sudah **dibiarkan terbiar** sekian lama. Kita hanya tersentak setelah hanyut dalam harus ekonomi yang amat deras. Saya ingin suarakan perkara berikut yang saya rasa mungkin dapat memberi harapan kepada anak-anak melayu Pulau Pinang. Jangan kata tidak boleh sebelum kita mencubanya dan jangan mudah berputus asa. Yakin dan berdoalah kepada Allah S.W.T agar kita tidak kecundang.

1. Dana khas Warisan Pulau Pinang dengan peruntukkan dari Pusat dan ditadbir oleh pemimpin tempatan, dengan modal asas sebanyak RM dua bilion untuk bail out orang melayu Pulau Pinang (sepertimana kita bail out bank, dan syarikat-syarikat gergasi yang kecundang).

2. Di setiap kawasan Parlimen, kita perlu wujudkan “thinktank” setempat dan pakar kaji yang berterusan, bebas dari politik dan kepentingan diri.
3. Badan Amanah Melayu seperti UDA, MARA, PERDA wajiblah telus dan mampu membawa berbincang semua pihak yang melibatkan portfolio masing-masing. Setakat ini peranan dan prestasi agensi ini disukat dengan hasil atau untung ekonomi, bukan pertahanan strategik Melayu.
4. Tempat kekuatan penyertaan ekonomi Melayu seperti pasar malam, pengangkutan, pelancungan, makanan laut, makanan halal, penjajaan minuman mestilah diberikan perhatian dan dipermajukan serta diperkukuhkan. MPPP dan MPSP mestilah berperanan lebih aktif dan produktif dalam membantu Melayu.
5. Ketua-ketua jabatan, agensi serta semua sekolah-sekolah di Pulau Pinang di terangkan erti sebenarnya perpaduan dan persaudaraan. Perpecahan dan pergaduhan sesama sendiri mestilah dihindari.
6. Ahli-ahli politik BN perlu di terangkan seperti DEB Malaysia, Melayu Pulau Pinang memerlukan pakej khusus, kesedaran yang tidak *bias* setiap pemimpin politik, perniagaan, agama dan kaum. Agenda pemulihan ekonomi Melayu Pulau Pinang mestilah dijadikan (secara rasional, sedar dan sengaja) agenda DEB Pulau Pinang atau DEBN.
7. Jutaan-jutaan Melayu Pulau Pinang diwajibkan mengambil peniaga-peniaga kecil sebagai saudara angkat niaga melalui asuhan, tunjukajar, francais dan usahasama. Mereka tidak harus lupa dengan orang Melayu yang ditinggalkan.
8. Dana Melayu Pulau Pinang yang dipelopori oleh Dewan Perniagaan dengan “matching grant” 1:1 oleh kerajaan pusat mungkin boleh di usahakan.
9. Pengurusan pelancungan dan Haj dikhaskan kepada orang agensi/syarikat Melayu.
10. Kedai makanan dan minuman mengutamakan peniaga kecil Melayu dengan makanan halal untuk para pelancong.
11. Status semasa sebenar Melayu kawasan PERDA dikaji secara banci untuk mengujudkan “bench mark” semua tindakan seterusnya bagi Melayu Pulau Pinang.

12. Perumahan untuk keluarga Melayu dilanjut tempoh dan disandarkan kepada keluarga secara 'wasiat' atau sistem-sistem lain yang munasabah.
13. Kerajaan negeri wajib mengujudkan zone tetap kependudukan Melayu atau reseb Melayu dimana pindah milik dibenarkan hanya diantara Melayu (seperti Malay reseb). Kalau FTZ boleh diwujudkan untuk pelabur asing, kenapa "**Special Malay zone**" (SMZ) tidak boleh diwujudkan.
14. Pusat latihan kemahiran MARA dan lain-lain institusi yang sedia ada perbadanan hendaklah dibesarkan, dilengkapi dengan alat-alat yang diperlukan dan para pelatih di biyai serta dinasihati secara rapi juga disediakan kemudahan untuk praktikal, latihan perniagaan dibawah kawalan pusat yang dimasukinya.
15. Tugas badan-badan kerajaan pusat dan negeri di Pulau Pinang diarah beri penekanan khas mengenai ekonomi Melayu.
16. Perniagaan '**maritime**' dan perkapalan dikhaskan kepada Melayu atau sekurang-kurangnya diberi keutamaan kepada Melayu.
17. Usaha ternak air secara koperasi diwajibkan wujud di setiap zone nelayan sepanjang pantai dari Tanjung sehingga ke Balik Pulau, khususnya di Pulau Aman dan Bukit Tambun.
18. Sawah padi diusahakan secara intensif dan menanam tanaman nilai tinggi, (komersial) makanan yang boleh dipasarkan secara sistematik kepada semua hotel, restoren dan tempat makan diGeorgetown, Batu Feringhi dan semua kawasan bandaran lain dengan kerjasama Bank Pertanian Malaysia.
19. Perbadanan Pelancungan Malaysia dan kementerian kebudayaan Belia dan Sukan membentuk satu **Master Plan gunatenaga** remaja melayu dan bukan melayu secara teratur dan mampu dipamirkan kepada pelancung asing dari segi kebudayaan dan persembahan kebudayaan.
20. UPEN mengenal pasti tempat tarikan baru pelancungan, kawasan lipur yang melibatkan tanah-tanah melayu dalam rangkaian tempat-tempat pelancungan Pulau pinang.
21. Wujudkan semula status pelabuhan bebas selagi ianya masih selaras, sesuai dan berguna dalam era WTO, dan globalisasi.
22. Perpaduan dan perasaan kekitaan di antara kaum di Pulau Pinang adalah syarat wajib kesemua strategi di atas.

Masa depan anak-anak terjamin, mempunyai rumah yang selesa dan tidak lagi terpinggir. Saya tidak mahu lagi melihat titisan airmata dan rintihan orang-orang Melayu Pulau Pinang. Saya impikan rakyat Malaysia yang tidak lagi hidup dalam kepalsuan dan kepura-puraan, hidup harian yang tidak membosankan dan penuh kebahagiaan terpancar di muka. Anak-anak melayu Pulau Pinang sudah berkemampuan dengan mata pencarian yang kekal dalam arus pembangunan yang bermenafaat kepada anda semua. Anak Melayu Pulau Pinang yang berpelajaran tinggi, berwawasan dan penuh gigih mengharung gelombang ombak laut yang tidak bertepi di pinggir Pulau Pinang.

Ahli –ahli JKKK yang ditubuhkan, sedar dan penuh tanggung jawab menjalankan amanah yang di pertanggung keatas orang-orang melayu. Kita perlukan NGO, kita perlukan parti pembangkang (yang sering meneguk di air jernih) untuk mempertahankan hak kita. Setiap keluhan dan rungutan akan menjadi tumpuan dan perhatian dari pihak atasan. Anak-anak Melayu Pulau Pinang bukan lagi Melayu yang boleh dikucar kacir atau ditindas. Para koprat lebih berperikemanusiaan, sanggup berkongsi bersama kejayaan dan harta mereka. Wahai orang-orang Melayu Pulau Pinang, bangunlah, dan jadilah Melayu yang berpotensi, gagah, gigih, bersepadu dan berwibawa. Jangan lagi menjadi pak turut atau pak Kadok yang menang sorak tetapi kampung tergadai. Saya doa' dan impikan seluruh orang-orang Melayu Malaysia khususnya Pulau Pinang hidup dalam keharmonian, tanpa mengira pangkat, kereta, dan harta. **INSYA'ALLAH.**

Dilema saya sebagai Melayu, terperangkap diantara kawan, rakan sebangsa, se negara dan kadang-kadang seagama yang bertentangan kepentingan. Saya sedih kerana wujudnya pacat, pagar makan padi, enau dalam belukar, jelatang dan hipokerit.! Jika tak ditegur melarat, jika ditegur kita dianggap musuh dan di umpat. Kerana mempertahankan Melayu saya hampir hilang kerja, saya di inaya dan difitnah tetapi sebagai saeorang Islam saya tetap yakin dengan apa yang saya perjuangkan. Ini sudah menjadi lumrah alam, sedangkan nabi pun menjadi mangsa sewaktu memperjuangkan Islam. Insya'allah saya akan teruskan perjuangan saya, selagi saya masih sihat dan berupaya demi untuk Melayu dan kesejahteraan negara. Semoga perjuangan saya ini akan menjadi warisan anak-anak Melayu dimasa depan dan dapat menyedarkan para pemimpin yang kita pilih agar terus menjaga hak pengundi-pengundinya. Kita harus ingat Allah sentiasa memerhati apa yang kita buat, mendengar apa yang kita lafazkan dan niat kita. Saya tidak pernah berniat untuk mencari POPULARITI dengan bercakap fasal masalah Melayu sepertimana yang pernah dikatakan oleh seorang pemimpin yang kita pilih sebelum ini di Pulau Pinang. Niat saya IKHLAS, saya tidak minta balasan di dunia. Saya jadikan perjuangan saya sebagai Amanah Saham Akhirat (ASA). Amin.

berlaku dengan agak dinamik. Melayu dihambat dan dihalau keluar, tempat riadah mereka dijadikan flat dan pantai nelayan mereka diceroboh a-la Israel. Satu hari nanti kitalah yang akan mengujudkan Palestin Malaysia (nau'zubillah) melalui kebuntuan, khayalan dan kebodohan kita. Terpulanglah kepada intelek, elit dan pemimpin. Tiada guna menyalahkan orang yang tertindas, yang tidak bijak dan yang lemah ekonominya. Mereka hanya tahu makna cukup hidup dan kais pagi makan petang. Saudara-saudara kita yang berjaya dalam arus ekonomi Pulau Pinang mestilah ingat, '**hari ini hari kita, hari esok entah siapa**'. Memajukan ekonomi Melayu Pulau Pinang adalah munasabah dan tanggung jawab kita bersama, logik dan wajib untuk status mereka dengan imej negeri ini dan imej Malaysia di mata dunia. Renung dan fikirkanlah, Insha'allah kita akan bertemu penyelesaiannya.

Anak Cina bermain di hulu
Bermain bersama anak India
Bila ku kenang nasib bangsaku
Rasa berlinang si air mata

Saranan dan Pesanan yang Paling Penting di Hari Ini

1. Kita semua bersatu.
2. Tubuhkanlah koperasi seperti Koperasi Sg. Gelugor dan Koperasi Sg. Ara.
3. Gunakanlah saluran yang sedia ada, dan bersopan, dengan kepastian laluan itu tidak tersekat.
4. Elakkan tomahan, buruk sangka, tuduh menuduh dan bergaduh dengan "durian", kita harus sedar yang kita ini adalah "mentimun".
5. Kemuafakatan yang benar-benar ikhlas serta kukuh, nasihati dan cari jalan penyelesaian segera bagi mereka yang telah tersaruk. Jangan biarkan "duri berada di dalam daging".
6. Sentiasa menadah tangan berdoa kepada Allah sewaktu senang atau susah. Selagi kita berada di jalan yang benar, Allah tetap berada bersama kita.
7. Jangan mudah terpedaya dengan pujuk rayu dan janji-janji manis orang-orang yang diamanahkan oleh kerajaan untuk menjaga kepentingan melayu, yang adakalanya menyebabkan kesulitan dan menjadi musuh negara. Jangan anggap semua para menteri atau YB dan YAB itu bermuslihat atau tidak prihatin dengan nasib orang-orang melayu. Saya yakin masih ada pemimpin yang telus dan akan terus memperjuangkan nasib orang-orang Melayu. Rambut sama hitam tetapi niat di hati berbeza.

8. Ingat nilai lagenda tempat kita dilahir dan dibesarkan, asal-usul imej ketuanan kita.
9. Jauhilah fenomena menang sorak kampung tergadai.
10. Kita tidak anti pembangunan tetapi pembangunan itu biarlah mengikut kemampuan kita orang Melayu. Orang yang sedia ada disitu, kekalkanlah mereka disitu walaupun selama ini dia menumpang tanah TOL. Kekalkan kampung tradisional, kampung lama yang kini hanya tinggal nama. Kenapa kita mesti hancurkan kampung Jelutong, kampung Makam, Kampung Sg Pinang dan kampung-kampung yang lain demi untuk pembangunan.
11. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad pemimpin kita, dia adalah sebahagian dari kita, bukan milik pemaju. Beliau berhak menyaran, menegur dan memupuk perpaduan mengikut acuan Malaysia. Keseimbangan itu amat penting untuk kesejahteraan. *'pemaju is only one part of that system'*. Beliau turut sedih dengan apa yang menimpa Melayu Pulau Pinang, beliau luahkan dan tegur kenapa kita masih tidak menyahut atau respon dengan apa yang ditegurnya. Wahai UDA, MPPP, MPSP dan PDC juga wakil-wakil rakyat Melayu bangunlah dari mimpi, hadapilah REALITI. Nasi belum lagi menjadi bubur ianya masih boleh diselamatkan lagi.
12. Sebagai orang yang beragama Islam, kita haruslah sedar akan dosa pahalanya. Berdosalah kita mesrosakkan harapan berjuta generasi muda di Malaysia yang kehabisan tanah, di bebani hutang, hilang identiti dan kepercayaan diri kerana keghairahan para pemaju.
13. Setiap pemaju hendaklah prihatin dnegan penduduk setempat. Jangan terlalu sombong dan bongkak kerana diberi kuasa oleh orang atas untuk memajukan sesuatu tempat itu. Ingat , kami adalah pengundi, kami adalah tiang kerajaan. Tanpa kami siapalah kerajaan, kamilah yang pemilih atau penentangannya.
14. Di mana-mana sahaja (contohnya koperasi Sg Gelugor) sentiasa tergugat oleh orang-orang yang menjadi api dalam sekam atau dalang pembangunan yang menjeaskan nasib anak-anak Melayu yang tidak berdosa.
15. Contohilah perpaduan orang-orang Kampung Baru di Kuala Lumpur. Jati diri yang kukuh menjadikan Kg Baru "Kampung contoh di dalam Bandaraya".
16. **Pemikiran kita mestilah bernas, akal mesti deras, cakap mesti perlahan, strategi harus teratur. Praktikal lebih baik dari cakap-cakap kosong.**

Saya yakin para belia dan beliawanis kita mampu untuk membentuk golongan pewaris yang kukuh di sini demi untuk lagenda nenek moyang, estetika dan *legacy* tempat lahir kita.

17. Dunia telah menunjukkan akibat lalai, berpecah, tamak dan tidak berwawasan menyebabkan hilang tanah air. Di antaranya ialah Palestine, Iraq dan Afghanistan.
18. Perjuangan atau menuntut hak milik kita haruslah dilakukan dengan aman, jangan cetuskan peperangan kerana ini akan merugi semua pihak. Bawalah berunding, muafakat dan cari penyelesaian kerana setiap yang buntu itu pasti ada jalan keluar. Ingatlah Allah sentiasa bersama kita.
19. Prioriti, strategi dan alternatif mesti dikaji semula kalau perlu disesuaikan setiap tahun bukan selepas kajian separuh penggal.
20. Tindakan undang-undang yang tegas mestilah diambil untuk menguatkan intergeriti dan kepercayaan rakyat pada rancangan 5 tahun kerajaan. Pegawai yang tidak bertanggungjawab haruslah disingkirkan segera. "To save the millions may have to sacrifice the few".

❖ *Di dalam buku saya bertajuk "Ekonomi Melayu Pulau Pinang dan Ekonomi Malaysia yang di tulis pada tahun 1982 terdapat 31 cadangan, 21 masalah orang Melayu yang tidak bertanggung jawab, kecacatan orang-orang Melayu, 59 sebab kejayaan/pencapaian yang terhad dalam rancangan eknomi dan banyak lagi yang hingga ke hari ini masih belum dapat dipenuhi.*

*Buku ku tulis buat tatapan
Anak bangsaku sebagai warisan
Beribu pesanan, beribu saranan
Jangan jadikan sebagai perhiasan*

*Wahai bangsaku, bangunlah segera
Jangan leka dan jangan segan
Bersatu hati, bersatu jiwa
Tanah ibunda mesti dipertahan*

Sedikit Pandangan Tentang Budaya Orang kita

1. **“No Problem”** asal saja dia dapat, dia mewah dan berpangkat.
2. **Mudah lupa** matlamat asal, kawan lama sewaktu susah bila kasta kita sudah di atas.
3. **Lepas tangan** selepas masalah yang mereka cipta, malu dan rasa tidak layak untuk bertemu dengan kita orang-orang miskin yang tak punya kuasa. Tidak berani menghadapi realiti.
4. **Budaya “tak apa”**, biarlah bukan hal kita.
5. Menganggap orang-orang miskin adalah **satu beban** pada mereka.
6. **Makan gaji lebih dari kerja**, berat tulang dan tidak pernah memikir nasib orang lain.
7. **Bersikap acuh tak acuh** dalam memegang amanah.
8. **Egoistik** – tidak suka ditegur dan bodoh sombong.
9. **Pentingkan diri sendiri** – sanggup menindas dan mengambil idea orang lain bak kata pepatah “Lembu punya susu, sapi punya nama” (sekiranya lembu-lembu itu semua merajuk dimana lagi nak dapat susu).
10. **Bersifat hasad dan dengki** – terhadap orang Melayu sahaja, tidak pada bangsa lain.
11. **Tidak ada VISSION** – lebih suka hidup, hari ini untuk hari ini.
12. **Terlalu menjaga status quo** diri sendiri dan perioik nasi sehingga menjejaskan orang Melayu sendiri. Akhirnya kita terpaksa **simpan periuk tanpa nasi**- ini soal psikologi bangsa kita.

Impian dan Do'a Saya sebagai Seorang Melayu


Insya'allah di suatu hari nanti, Melayu bukan lagi satu kaum yang 'LONELY' (sebelum saya meninggalkan anda) anda semua sudah berjiran dengan bandaraya canggih dan mewah yang dapat menampung peluang pekerjaan tajaan sikaya (koprat melayu).

23. Orang tempatan khususnya pemimpin negeri peka kepada isu ekonomi Melayu. Paling rendah pun mungkin boleh diusahakan konsep tumpang – tumpang atau tumpang-ruang seperti kedai nasi Melayu di Hotel International , Transfer Road, Pulau Pinang.
24. MPPP dan MPSP boleh mengenakan syarat supaya peniaga kecil Melayu diambil bersama kedai makan baru Cina. Untuk itu PERDA boleh menyokong dengan mewujudkan kedai kelompok.
25. Diperingkat besar, Syarikat Berhad dan Sdn Bhd yang berdaftar dengan ROC diwajibkan melatih dan menerima pekerja Melayu tempatan supaya mereka kekal di tempat itu, dan tidak perlu berhijrah untuk mencari kerja.
26. UDA hendaklah memperbaiki pelan rumah kos rendah mereka. Jangan ulangi lagi konsep Studio Apartment di Tanjong To’Kong dan haruslah pandang ke depan dan kehidupan masa akan datang.
27. Para pemimpin Melayu haruslah mempunyai “**Sence of Urgency**” kepada setiap masalah Melayu {petikan dari kertas kerja Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Kampung – Konvensyen UMNO bahagian Jelutong, 1997}.
28. Wujudkan **Biro Guaman** khas untuk orang-orang Melayu yang kurang berkemampuan dan memerlukan khidmat nasihat undang-undang (saya difahamkan MCA dan MIC ada biro ini)- ‘dipetik dari kertas kerja Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Kampung – Konvensyen UMNO bahagian Jelutong, 1997’.
29. Ubah sistem pembayaran/pinjaman dari 25 tahun kepada 50 tahun supaya orang Melayu mamapu untuk memiliki rumah sendiri. - ‘dipetik dari kertas kerja Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Kampung – Konvensyen UMNO bahagian Jelutong, 1997’.
30. Wujudkan **Dana Khas** untuk orang-orang Melayu berniaga – kutipan dari Melayu Pulau Pinang yang sudah bertaraf jutawan dan sederhana.

Langkah-langkah yang lebih drastik atau lebih mudah ialah dengan meninggalkan atau membiarkan Melayu Pulau Pinang terus melarat, terpinggir dan dianak tirikan, tetapi ingat kita semua akan menerima padahnya. Jika jalan itu yang kita pilih, saya yakin kita menyatakan bahawa **kita akan dilabel oleh sejarah sebagai golongan yang tidak bertanggungjawab, buta hati dan zalim terhadap generasi akan datang.** Status quo memang senang akan tetapi arus pembangunan ekonomi Pulau Pinang hari ini telah

MODEL MUAFAKAT MELAYU

KERAJAAN / PEMIMPIN MELAYU



TOKOH KOPRAT

INTELEK DAN AGENSI

****TIADA MASS MELAYU MAKA PUPUSLAH KERAJAAN MELAYU****

JADUAL LAMPIRAN A

JUMLAH PENDUDUK PULAU PINANG PADA 31 DESEMBER 1833

| BANGSA/KETURUNAN | JUMLAH PENDUDUK |
|-------------------------|---------------------|
| Eropah dan keturunannya | 789 orang |
| Armenia | 21 orang |
| MELAYU | 16,435 orang |
| Acih | 347 orang |
| Batak | 561 orang |
| Cina | 8,751 orang |
| Culia [India] | 7,886 orang |
| Benggali | 1,322 orang |
| Siam dan Burma | 648 orang |
| Arab | 142 orang |
| Parsees [India Utara] | 51 orang |

JUMLAH PENDUDUK DI SEBERANG PRAI PADA 31 DESEMBER 1833

| BANGSA/KETURUNAN | JUMLAH PENDUDUK |
|------------------|---------------------|
| MELAYU | *1,702 orang |
| Cina | 2,259 orang |
| Culia (India) | 510 orang |
| Siam | 405 orang |
| Benggali | 577 orang |

Sumber : T.J Newbold, Political & Statistical Account of the Straits Settlements in the Straits of Malacca. Vol. 1, (int. by C.M. Turnbull). K.L, S'pore: OUP, 1971, (Pg;54-55).

LAMPIRAN B

JUMLAH PENDUDUK BERBAGAI BANGSA DI PULAU PINANG,
SEBERANG PERAI, SINGAPURA DAN MELAKA
DARI TAHUN 1817 HINGGA 1860

PULAU PINANG

| TAHUN | MELAYU | EROPAH | INDIA | CINA | JUMLAH BESAR |
|-------|---------------|--------|--------|--------|-----------------|
| 1818 | 12,190 | ? | 8,197 | 7,858 | 35,000 |
| 1830 | 11,943 | 1,877 | 8,858 | 8,963 | 33,959 |
| 1842 | 18,442 | 1,180 | 9,681 | 8,715 | 40,499 |
| 1851 | 16,570 | 347 | 7,840 | 15,457 | 43,143 |
| 1860 | 18,887 | 1,995 | 10,618 | 28,018 | 59,959 |

SEBERANG PERAI

| | | | | | |
|------|--------|-----|-------|-------|--------|
| 1820 | 5,399 | ? | 338 | 325 | 6,185 |
| 1833 | 41,702 | ? | 1,087 | 2,259 | 45,953 |
| 1844 | 44,271 | 107 | 1,815 | 4,107 | 51,509 |
| 1851 | 53,010 | ? | 1,913 | 8,731 | 64,801 |
| 1860 | 52,836 | 76 | 3,514 | 8,204 | 64,816 |

SINGAPURA

| | | | | | |
|---------|--------|-------|--------|--------|--------|
| 1819-20 | ? | ? | ? | 3,000 | 5,000 |
| 1830 | 5,173 | 92 | 1,913 | 6,555 | 16,634 |
| 1840 | 9,032 | 167 | 3,159 | 17,139 | 39,681 |
| 1850 | 12,206 | 360 | 6,261 | 27,988 | 59,043 |
| 1860 | 10,888 | 2,445 | 12,971 | 50,043 | 80,792 |

MELAKA

| | | | | | |
|------|--------|-------|-------|--------|--------|
| 1817 | 13,988 | 1,667 | 2,986 | 1,006 | 19,627 |
| 1828 | 19,765 | 265 | 2,830 | 4,797 | 30,164 |
| 1842 | 32,622 | 2,544 | 3,258 | 6,882 | 46,097 |
| 1852 | 48,226 | 2,283 | 1,191 | 10,608 | 62,514 |
| 1860 | 53,554 | 2,648 | 1,026 | 10,039 | 67,267 |

Sumber : L.A. Mill, British Malaya 1824-67, pg. 217-218

LAMPIRAN C

JUMLAH PENDUDUK PULAU PINANG

| TAHUN | JUMLAH BESAR | MELAYU [%] | CHINA [%] | INDIA [%] |
|-------|-------------------|---------------------|---------------------|--------------------|
| 1911 | 278,003 [100%] | 114,441 [41.17%] | 111,738 [40.19%] | 46,565 [16.75%] |
| 1921 | 304,335 [100%] | 110,382 [36.27%] | 135,228 [44.45%] | 53,339 [17.53%] |
| 1931 | 359,851 [100%] | 118,832 [33.02%] | 176,518 [55.42%] | 58,020 [16.12] |
| 1947 | 446,321 [100%] | 136,163 [30.51%] | 247,336 [55.42%] | 57,157 [12.81%] |
| 1957 | 572,100 [100%] | 165,092 [28.86] | 327,240 [57.20%] | 69,035 [12.07%] |

LAMPIRAN D

JUMLAH PENDUDUK TANJUNG (GEORGE TOWN)

| TAHUN | JUMLAH BESAR | MELAYU [%] | CHINA [%] | INDIA [%] |
|-------|-------------------|--------------------|---------------------|--------------------|
| 1911 | 101,182 [100%] | 15,815 [15.63%] | 63,740 [63%] | 17,666 [17.46%] |
| 1921 | 123,069 [100%] | 17,058 [13.86%] | 82,587 [67.09%] | 19,547 [15.88%] |
| 1931 | 149,408 [100%] | 19,136 [12.81%] | 101,242 [67.79%] | 24,120 [16.14%] |
| 1947 | 189,068 [100%] | 21,075 [11.15%] | 137,915 [72.94%] | 26,220 [13.87%] |
| 1957 | 234,903 [100%] | 26,757 [11.39%] | 171,245 [72.90%] | 32,029 [13.63%] |

Sumber : Timothy Lam Thim Fook, Population Data of George Town, Kuala Lumpur, 1967

LAMPIRAN E

PENDAPATAN KASAR ISIRUMAH (RM)
DAN NISBAH KETAKSAMAAN,
PULAU PINANG 1989,1993 DAN 1997

| PENDAPATAN PURATA/NISBAH KETAKSAMAAN | 1990 | 1993 | 1997 | 1999 |
|--|----------|----------|----------|----------|
| PENDAPATAN PURATA ISIRUMAH (RM) | | | | |
| Menurut kaum: | | | | |
| | | | | |
| BUMIPUTERA | 1025 | 1463 | 2249 | 2427 |
| INDIA | 1252 | 1599 | 2806 | 2895 |
| CINA | 1556 | 2159 | 4027 | 3784 |
| LAIN-LAIN | 4103 | 4553 | 3476 | 4967 |
| JUMLAH | 1332 | 1845 | 3130 | 3128 |
| MENURUT STRATA | | | | |
| | | | | |
| LUAR BANDAR | 1185 | T. D | 2283 | T. D |
| BANDAR | 1536 | T. D | 3461 | T. D |
| NISBAH KETAKSAMAAN | | | | |
| BUMIPUTERA :CINA | 0.66 : 1 | 0.80 : 1 | 0.56 : 1 | 0.64 : 1 |
| INDIA : CINA | 0.80 : 1 | 0.74 : 1 | 0.70 : 1 | 0.77 : 1 |
| LUAR BANDAR:BANDAR | 0.77: 1 | - | 0.66 : 1 | - |


Nota ; T.D – tidak diperolehi

** Sumber : Pelan Strategik pembangunan Pulau Pinang seperti yang disebutkan dalam kajian Sosio-ekonomi masyarakat India Negeri Pulau Pinang (1998) : Unit Perancang ekonomi Jabatan Perdana Menteri. **

LAMPIRAN F


| Pekerjaan | Jumlah | Bumiputera | Cina | India | Lain-lain |
|---|------------------|-----------------|-----------------|----------------|----------------|
| Pekerja profesional, teknikal dan bidang berkaitan | 84.2 (100.0) | 34.7 (41.2) | 36.3 (43.1) | 6.3 (7.5) | 6.9 (8.2) |
| Pekerja pentadbiran dan pengurusan | 31.2 (100.0) | 6.5 (20.8) | 20.2 (64.7) | 0.9 (2.9) | 3.6 (11.5) |
| Pekerja perkeranian dan bidang yang berkaitan | 71.2 (100.0) | 26.9 (37.8) | 33.6 (47.2) | 6.9 (9.7) | 3.8 (5.3) |
| Pekerja jualan | 80.4 (100.0) | 17.7 (22.0) | 53.7 (66.2) | 5.3 (6.6) | 3.8 (4.7) |
| Pekerja perkhidmatan | 77.1 (100.0) | 29.3 (38.0) | 22.5 (29.2) | 9.0 (11.7) | 16.2 (21.0) |
| Pekerja pertanian, penternakan haiwan dan perhutanan, nelayan dan pemburu | 18.8 (100.0) | 10.0 (53.2) | 5.6 (29.8) | 1.0 (5.3) | 2.2 (11.7) |
| Pekerja pengeluaran dan bidang yang berkaitan, peralatan pengangkutan, operator dan buruh | 240.1 (100.0) | 102.2 (42.5) | 86.0 (35.8) | 28.7 (12.0) | 23.3 (9.7) |
| Jumlah | 602.9 (100.0) | 227.3 (37.7) | 257.9 (42.8) | 58.0 (9.6) | 59.6 (9.9) |

LAMPIRAN G




PULAU PINANG: BILANGAN NELAYAN DI KAWASAN PERIKANAN DAN KAMPUNG NELAYAN (1981)

LAMPIRAN I



PULAU PINANG: KEPADATAN PERUMAHAN MENGIKUT ZON DALAM UNIT RUMAH SETIAP EKAR TANAH

LAMPIRAN H



PULAU PINANG: TABURAN DAN BILANGAN TERNAKAN